

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : YB TUAN KHOO POAY TIONG
[KOTA MELAKA]**

SOALAN

Minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan kriteria dan proses permohonan untuk mendapatkan status khazanah warisan Negara sepertimana yang diperuntukkan di bawah Akta Warisan Kebangsaan 2005, dan apakah kebaikan dan kesan status warisan tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,


Kriteria yang menjadi panduan dalam menilai setiap pencalonan warisan mengikut seksyen 67, (2), Akta Warisan Kebangsaan 2005 [Akta 645] adalah seperti berikut:

- 1) kepentingan sejarah, hubungan dengan atau perhubungan dengan sejarah Malaysia;
- 2) ciri-ciri reka bentuk atau estetika;
- 3) pembaharuan atau pencapaian saintifik atau teknikal;
- 4) hubungan sosial atau kebudayaan;
- 5) potensi untuk mendidik, menjelaskan atau menyediakan penyiasatan saintifik lanjut berhubung dengan warisan kebudayaan Malaysia;
- 6) kepentingan dalam mempamerkan kekayaan, kepelbagaian atau integrasi bentuk yang luarbiasa;
- 7) jarang tidaknya atau keunikan warisan semulajadi, warisan budaya ketara atau tidak ketara atau warisan kebudayaan di bawah air;
- 8) jarang tidaknya atau keunikan warisan semulajadi, warisan budaya ketara atau tidak ketara atau warisan kebudayaan di bawah air; dan
- 9) apa-apa perkara lain yang berkaitan dengan penentuan warisan kebudayaan yang penting.

Proses permohonan untuk mendapatkan status sebagai tapak warisan akan dibincangkan dalam Jawatankuasa Pakar di peringkat Jabatan Warisan Negara sebelum diangkat kepada Pesuruhjaya

Warisan untuk pertimbangan bagi pewartaan di bawah Akta Warisan. Proses penetapan sebagai tapak warisan di bawah Akta Warisan Kebangsaan 2005 [Akta 645] adalah seperti berikut:

PROSES PENETAPAN TAPAK



NO. SOALAN : 48

Sebagai makluman, pewartaan di bawah Akta Warisan Kebangsaan 2005 [Akta 645] memberikan implikasi seperti berikut:

- 1) Memberi penghormatan atau meninggikan lagi nilai sesuatu khazanah warisan itu;
- 2) Ia akan dilindungi sepenuhnya dan dipelihara keaslian mengikut garis panduan yang ditetapkan;
- 3) Pewartaan sebagai Warisan atau diisytiharkan sebagai Warisan Kebangsaan tidak akan melupuskan hak pemilikan atau tuan punya (termasuk hak Harta Intelek Pemunya);
- 4) Pemunya masih berhak untuk menjual atau memindahkan harta warisan berkenaan. Namun begitu setiap pindah milik atau pergerakan kekal harta warisan tersebut perlu dimaklumkan kepada Pesuruhjaya Warisan bagi tujuan perlindungan;
- 5) Pemunya tapak boleh mengenakan fi masuk ke tapak;
- 6) Pemunya juga boleh memohon bantuan khidmat nasihat dan pemberian atau pinjaman untuk tujuan pemuliharaan warisan.

Sekian, terima kasih.